

14/07/2002

Rakyat diminta hargai keamanan

Maznah Darus

GEORGETOWN: Rakyat Pulau Pinang diminta menghargai keamanan dan keharmonian yang dikecapi dengan memberi sokongan padu kepada kerajaan.

Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas berkata, dengan sokongan padu itu juga, segala perancangan pembangunan untuk rakyat akan dapat dilaksanakan.

Ketika berucap pada istiadat pengurniaan pingat dan darjah kebesaran negeri sempena ulang tahun beliau yang ke-64 di sini, beliau berkata, perpaduan dan semangat kerjasama rakyat telah membantu kerajaan melaksanakan pembangunan negeri.

Katanya, rakyat juga harus mengubah sikap dengan berani menerokai pelbagai bidang di peringkat antarabangsa seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Rahman berkata, dalam usaha untuk mengubah sikap, sememangnya rakyat akan menghadapi pelbagai rintangan, tetapi mereka harus mempunyai pandangan yang positif dalam mengharungi cabaran globalisasi ini.

Terdahulu, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, menyeru semua pemimpin masyarakat dan rakyat negeri ini agar mengubahsuai arus arah dan isi kandungan ekonomi supaya dapat terus bertumbuh dalam konteks globalisasi dan era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang baru.

Beliau turut menyenaraikan strategi serampang lima mata untuk diamalkan negeri ini agar berjaya mencecah paras kemajuan yang lebih memberangsangkan dalam masa terdekat.

Langkah pertama katanya, ialah menggalakkan dengan lebih pesat pelaburan semula dan tambahan oleh syarikat transnasional dan tempatan yang sedia ada dengan penekanan terhadap produk yang baru yang bernilai dan berteknologi tinggi, proses penyelidikan dan pembangunan dan reka bentuk.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga memperkenalkan bidang-bidang teknologi yang baru dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi seperti fotonik dan teknologi wayarless.

"Tidak ketinggalan ialah usaha kita untuk mempergiatkan lagi pembangunan perkhidmatan yang bernilai tambah yang tinggi, seperti aplikasi perisian atau logistik, perkhidmatan pelanggan dan perkhidmatan korporat," katanya sambil menambah bahawa pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan supaya lebih berteknologi tinggi dan lebih berkesan juga sedang giat digalakkan.

Di samping itu katanya, kerajaan negeri sentiasa mengenalpasti dan menerokai bidang bio-teknologi dengan kerjasama di antara universiti dan industri.

Menurut Koh usaha memulih dan mempromosi sektor hartanah dengan memberi penekanan terhadap pembangunan perumahan yang mampu dibeli oleh rakyat juga sedang dilaksanakan.

Yang penting, menurut Koh, segala strategi serampang beberapa mata yang diatur itu perlu dilaksanakan dalam suasana minda baru yang lebih terbuka, fleksibel, inovatif, kreatif dan pro-aktif.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil mendahului senarai 1,261 penerima pingat sempena ulang tahun ke-64 Abdul Rahman itu.

Shahrizat adalah antara lapan penerima Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) yang membawa gelaran 'Datuk Seri' diikuti Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (NSTP) Berhad, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Turut menerima DGPN ialah Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif di

Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN), Tan Sri Dr Md Noordin Md Soviee dan bekas Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Sementara itu, usahawan terkemuka yang juga Ketua Umno Bahagian Bukit Bendera, Datuk Ahmad Ismail pula adalah antara tujuh penerima pingat Darjah Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) yang membawa gelaran Datuk.

Antara penerima pingat Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) pula ialah Pengarah Eksekutif Pensonic Holdings Bhd, Tan King Tai @ Tan Khoo Hai, tokoh kemasyarakatan terkemuka tempatan, Wan Johara Mohd Sultan dan Pengarah Eksekutif YTL Corporation Berhad dan YTL Power International Berhad, Yeoh Soo Min.

Sempena ulang tahun Yang di-Pertua Negeri kali ini juga 67 penerima akan menerima Darjah Johan Negeri (DJN), 159 untuk Pingat Kelakuan Terpuji (PKT), 448 menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK), 483 menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) dan 37 penerima Pingat Bakti Setia (PBS).